

KAF (ك) DALAM AL-QURAN: SATU ANALISIS SEMANTIK

Rohaida Idris

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

E-mel: rohaida@usm.my

ABSTRAK

Al-Quran adalah teks Ilahi yang mewakili bentuk bahasa Arab klasik yang paling murni, suci dan sahih. Di dalamnya terdapat pelbagai cabang ilmu pengetahuan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis huruf *kaf* (ك) dalam al-Qur'an dari perspektif semantik bagi memahami peranannya dalam pembinaan makna ayat-ayat suci. Huruf *kaf* dalam bahasa Arab merupakan salah satu huruf yang memiliki pelbagai fungsi dan makna dalam konteks linguistik Al-Quran. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan dalam proses pengumpulan dan penganalisisan data. Selain itu, kajian ini juga menyoroti perbezaan makna yang timbul daripada penggunaan *kaf* dalam pelbagai situasi dan peranan yang dibawanya dalam komunikasi wahyu. Dapatan kajian mendapati terdapat enam makna *kaf* dalam Al-Quran iaitu kiasan atau ibarat (التشبيه), kata tambahan (الزائدة), sebab (التعليل), segera (المبادرة), seruan (التعجب) dan penegasan martabat (الاستعلاء). Hasil kajian menunjukkan bahawa huruf *kaf* memainkan peranan penting dalam menyampaikan makna secara halus terutamanya dalam aspek penyerupaan, penguatkuasaan makna dan sebagai alat retorik yang memperkukuh kefahaman dan keindahan bahasa al-Quran. Kajian ini menyumbang kepada pengayaan ilmu dalam bidang linguistik al-Qur'an dan memperkukuh kefahaman terhadap kekayaan makna yang terkandung dalam kalam Allah.

Kata kunci: *kaf* (ك); Al-Quran; analisis semantik

1. PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Al-Quran sebagai kitab suci umat Islam, kaya dengan penggunaan bahasa Arab yang mendalam dan penuh makna. Salah satu aspek menarik dalam kajian linguistik al-Quran adalah analisis terhadap huruf-huruf tertentu yang digunakan sebagai huruf dalam struktur ayat. Huruf *kaf* (ك) khususnya, muncul dalam pelbagai konteks dan membawa pelbagai makna bergantung kepada penggunaannya. *Kaf* berfungsi sebagai *huruf jar* (kata sendi nama) dalam struktur ayat dan memberikan makna yang berbeza bergantung kepada konteksnya. Analisis semantik terhadap penggunaan *kaf* sebagai *huruf jar* dapat membantu dalam memahami cara al-Quran menyampaikan makna yang mendalam melalui struktur bahasanya.

1.2 Permasalahan Kajian

Huruf *kaf* dalam al-Quran digunakan dalam pelbagai konteks termasuk sebagai *huruf jar* yang membawa makna perbandingan atau penyerupaan. Kepelbagaian ini menimbulkan persoalan mengenai makna sebenar huruf *kaf* dalam setiap konteks penggunaannya.

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai huruf-huruf dalam al-Quran, kajian yang memfokuskan kepada analisis semantik huruf *kaf* secara khusus masih terhad. Ini menyukarkan pemahaman mendalam mengenai peranan dan makna huruf ini dalam teks al-Quran.

Penutur bukan jati bahasa Arab mungkin menghadapi kesukaran dalam memahami makna huruf *kaf* dalam al-Quran terutamanya apabila huruf ini digunakan dalam konteks yang memerlukan pengetahuan mendalam tentang bahasa Arab klasik dan ilmu tafsir.

Permasalahan-permasalahan ini menunjukkan keperluan untuk menjalankan kajian semantik yang mendalam terhadap huruf *kaf* dalam al-Quran bagi membantu penutur bukan jati dan para pengkaji dalam memahami makna dan peranan huruf ini dalam teks suci tersebut.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan huruf *kaf* dalam al-Quran dari perspektif semantik yang berfokuskan kajian makna asas (makna leksikal) huruf *kaf* dalam konteks ayat-ayat al-Quran.

Kajian ini juga bertujuan untuk menerangkan pemahaman terhadap makna dan fungsi huruf *kaf* dapat mempengaruhi interpretasi dan pemahaman keseluruhan terhadap ayat-ayat al-Quran. Ini termasuklah huruf ini menyumbang kepada pembentukan makna yang lebih mendalam dan kompleks dalam teks.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan wawasan mendalam mengenai makna huruf *kaf* dalam al-Quran khususnya dalam konteks *huruf jar*. Pendekatan semantik membantu mengungkap makna dasar dan relasional huruf ini yang sering kali tersembunyi dalam terjemahan literal.

Kajian ini menjelaskan konsep huruf ini berfungsi dalam struktur sintaksis dan semantik ayat-ayat al-Quran. Ini termasuk peranannya dalam membentuk perbandingan, penyerupaan dan penekanan dalam bahasa Arab klasik.

Bagi penutur bukan jati bahasa Arab, pemahaman terhadap penggunaan huruf *kaf* dalam al-Quran dapat membantu mereka dalam menafsirkan makna ayat dengan lebih tepat. Kajian semantik menyediakan alat untuk memahami makna yang mungkin tidak jelas dalam terjemahan biasa.

Kajian ini menyumbang kepada pengembangan ilmu al-Quran khususnya dalam bidang linguistik dan semantik. Dengan pendekatan yang sistematik, kajian ini dapat dijadikan rujukan bagi penyelidikan lanjut mengenai aspek linguistik dalam al-Quran.

Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan penting dalam memahami aspek linguistik dan semantik al-Quran serta membantu dalam penafsiran yang lebih tepat dan mendalam terhadap teks suci tersebut.

2. KAJIAN LITERATUR

M. Sofwan Nazidul M. (2023) telah melaksanakan kajian yang menumpukan makna *huruf jar* dalam surah Al-Fath. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *huruf jar kaf* memiliki makna 5 makna iaitu التشبيه (menyerupakan), التعليل (alasan), الاستعلاء (di atas), المبادرة (segera) dan التوكيد (menguatkan).

Selain itu, Candra Gunawan, Pujiati dan Nurlela (2017) mengkaji analisis makna leksikal *harf jar* dalam al-Quran surah al-Furqan. Penyelidik mendapati makna leksikal harf jar kaf adalah seperti atau laksana iaitu bermakna perumpamaan (*at-tasybīh*).

Manakala Nor Azhan Norul Azmi dan Normah Husin (2017) telah menulis kajian yang bertajuk 'Analisis Kepelbagaian Fungsi Dan Makna Kata Partikel'. Mereka membuat kesimpulan bahawa huruf *kaf* bermakna perumpamaan atau perbandingan.

3.METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kualitatif dengan pendekatan analisis semantik terhadap huruf *kaf* (ك) dalam al-Quran. Ia bertujuan untuk mengkaji makna dan fungsi huruf *kaf* dalam pelbagai konteks ayat. Terdapat pelbagai langkah kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik iaitu mengenalpasti ayat-ayat al-Quran yang mengandungi huruf *kaf*, mengumpulkan data dan menganalisis data.

4.DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Huruf *kaf* (ك) dalam al-Quran mempunyai beberapa fungsi dan makna bergantung pada konteks penggunaannya. Berikut ialah makna utama huruf *kaf* dalam al-Quran: kiasan atau ibarat (التشبيه), kata tambahan (الزائدة), sebab (التعليل), segera (المبادرة), seruan (التعجب) dan penegasan martabat (الاستعلاء).

4.1 Perumpamaan / Penyerupaan (التشبيه)

Huruf *kaf* bermaksud “seperti” atau “umpama”. Ia digunakan untuk membuat perbandingan antara dua perkara.

Contohnya ialah :

﴿أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُّجِّيٍّ يَغْشَاهُ مَوْجٌ مِنْ فَوْقِهِ مَوْجٌ مِنْ فَوْقِهِ سَحَابٌ ظُلُمَاتٌ بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَا أَخْرَجَ يَدَهُ لَمْ يَكَدْ يَرَاهَا وَمَنْ لَمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَهُ نُورًا فَمَا لَهُ مِنْ نُورٍ﴾ (سورة النور: ٤٠)

Terjemahan: Atau (orang-orang kafir itu keadaannya) adalah umpama keadaan (orang yang di dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam, yang diliputi oleh ombak bertindih ombak; di sebelah atasnya pula awan tebal (demikianlah keadaannya) gelap-gelita berlapis-lapis - apabila orang itu mengeluarkan tangannya, ia tidak dapat melihatnya sama sekali. Dan (ingatlah) sesiapa yang tidak dijadikan Allah menurut undang-undang peraturanNya mendapat cahaya (hidayah petunjuk) maka ia tidak akan beroleh sebarang cahaya (yang akan memandunya ke jalan yang benar).

﴿أَوْ كَصَيِّبٍ مِنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصْلَابَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ﴾ (سورة البقرة: ١٩)

Terjemahan: Atau (bandingannya) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, bersama dengan gelap-gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu.

﴿مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يَبْصِرُونَ﴾ (سورة البقرة: ١٧)

Terjemahan: Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun).

﴿وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ الْمُنفُوشِ﴾ (سورة القارعة: ٥)

Terjemahan: Dan gunung-ganang menjadi seperti bulu yang dibusar berterbangan.

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ الْجَوَارِ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَامِ﴾ (سورة الشورى: ٣٢)

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah kapal-kapal (yang besar tinggi) seperti gunung, belayar laju merempuh lautan.

﴿فَقُلْنَا اضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا ۚ كَذَلِكَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَىٰ وَيُرِيكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾ (سورة البقرة: ٧٣)

Terjemahan: Maka Kami (Allah) berfirman: "Pukulah si mati dengan sebahagian anggota lembu yang kamu sembelih itu" (Mereka pun memukulnya dan ia kembali hidup). Demikianlah Allah menghidupkan orang-orang yang telah mati dan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanNya, supaya kamu memahaminya.

﴿مَثَلُ الَّذِينَ خُمِلُوا الثَّورَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْجِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ﴾ (سورة الجمعة: ٥)

Terjemahan: (Sifat-sifat Nabi Muhammad itu telahpun diterangkan dalam Kitab Taurat tetapi orang-orang Yahudi tidak juga mempercayainya, maka) bandingan orang-orang (Yahudi) yang ditanggungjawab dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela Kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya). Buruk sungguh bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah; dan (ingatlah), Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim.

﴿فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ﴾ (سورة الفيل: ٥)

Terjemahan: Lalu Ia menjadikan mereka hancur berkecai seperti daun-daun kayu yang dimakan ulat.

﴿يَوْمَ يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْثُوثِ﴾ (سورة القارعة: ٤)

Terjemahan: (Hari itu ialah: hari kiamat), hari manusia menjadi seperti kelkatu yang terbang berkeliparan.

﴿كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَهَا لَمْ يَلْبُثُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ ضُحًى﴾ (سورة النازعات: ٤٦)

Terjemahan: (Sangatlah dahsyatnya huru-hara hari itu, sehingga orang-orang yang bersalah merasa) pada masa melihatnya: seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan sekadar satu petang atau paginya sahaja.

﴿أَمْ تَحْسَبُ أَنَّ أَكْثَرَهُمْ يَسْمَعُونَ أَوْ يَعْقِلُونَ ۚ إِنْ هُمْ إِلَّا كَالْأَنْعَامِ ۚ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا﴾ (سورة الفرقان: ٤٤)

Terjemahan: Atau adakah engkau menyangka bahawa kebanyakan mereka mendengar atau memahami (apa yang engkau sampaikan kepada mereka)? Mereka hanyalah seperti binatang ternak bahkan (bawaan) mereka lebih sesat lagi.

﴿كَأَنَّهُمْ حُمُرٌ مُسْتَنْفِرَةٌ﴾ (سورة المدثر: ٥٠)

Terjemahan: Seolah-olah mereka sekawan keldai liar yang lari.

﴿مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ ۚ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَثَرِ السُّجُودِ ۚ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي الثَّورَةِ ۚ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْأَهُ فَآزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَىٰ عَلَىٰ سَوْفَةٍ يُغْبِظُ الرِّعَازَ ۚ لِيُغَيِّظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ ۚ وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا﴾ (سورة الفتح: ٢٩)

Terjemahan: Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharap limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharap keredaanNya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah

menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, s.a.w dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana Ia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki - dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar.

(فَإِذَا انشَقَّتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَالدِّهَانِ) (سورة الرحمن: ٣٧)

Terjemahan: Selain itu (sungguh ngeri) ketika langit pecah-belah lalu menjadilah ia merah mawar, berkilat seperti minyak.

4.2 Kata Tambahan (الزائدة)

Kadang-kadang huruf *kaf* hadir sebagai huruf tambahan (*zaidah*) dalam struktur tertentu.

(فَاطِرُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَامِ أَزْوَاجًا يَذُرُّكُمْ فِيهِ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ) (سورة الشورى: ١١)

Terjemahan: Dia lah yang menciptakan langit dan bumi; Ia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, dan menjadikan dari jenis binatang-binatang ternak pasangan-pasangan (bagi bintang-binatang itu); dengan jalan yang demikian dikembangkanNya (zuriat keturunan) kamu semua. Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dia lah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

(مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ) (سورة البقرة: ١٧)

Terjemahan: Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun).

(وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمُّكُمْ عُمِّي فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ) (سورة البقرة: ١٧١)

Terjemahan: Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalNya.

(مَثَلُ الَّذِينَ يُبْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سَنَابِلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ) (سورة البقرة: ٢٦١)

Terjemahan: Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ ثَرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا إِلَّا بِقَدَرٍ عَلَى شَيْءٍ مِمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ) (سورة البقرة: ٢٦٤)

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada

manusia (riak) dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَنْبِيئًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَاتَتْ أَكْثُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِنْ لَمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطُلٌّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ﴾ (سورة البقرة: ٢٦٥)

Terjemahan: Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan.

﴿يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ نَعْبُدُكَ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ﴾ (سورة الفاتحة: ٥)

Terjemahan: Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.

4.3 Sebab atau alasan (التعليل/السببية)

﴿كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِنْكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ﴾ (سورة البقرة: ١٥١)

Terjemahan: (Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.

﴿لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فَإِذَا أَقَضْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَاذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَيْتُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لَمَنِ الضَّالِّينَ﴾ (سورة البقرة: ١٩٨)

Terjemahan: Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, "talbiah" dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haraam (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagaimana Ia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya.

﴿وَإِخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا﴾ (سورة الاسراء: ٢٤)

Terjemahan: Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil."

﴿وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا كَمَا ءَامَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا ءَامَنَ السُّفَهَاءُ ۗ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ﴾ (سورة البقرة: ١٣)

Terjemahan: Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang itu telah beriman". Mereka menjawab: "Patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang bodoh itu?" Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِنْكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ ءَايَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ) (سورة البقرة: ١٥١)

Terjemahan: (Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.

(لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَاذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَيْتُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبِيلَةٍ لِمَنِ الضَّالِّينَ) (سورة البقرة: ١٩٨)

Terjemahan: Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa,"talbiah" dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haraam (di Muzdalifah) dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagaimana Ia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatNya.

4.4 Segera (المبادرة)

(الَّذِينَ ءَاتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْرِفُونَهُ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَاءَهُمْ وَإِنَّ فَرِيقًا مِنْهُمْ لَيَكْتُمُونَ الْحَقَّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ) (سورة البقرة: ١٤٦)

Terjemahan: Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang Kami berikan Kitab itu mengetahui serta mengenalinya (Nabi Muhammad dan kebenarannya) sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri. Dan sesungguhnya sebahagian dari mereka berusaha menyembunyikan kebenaran itu sedang mereka mengetahui (salahnya perbuatan yang demikian).

4.5 Seruan (التعجب)

(وَأَصْبَحَ الَّذِينَ تَمَنَّوْا مَكَانَهُ بِالْأَمْسِ يَقُولُونَ وَيَكَآنَ اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ ۚ تُولُوا أَنْ مَنْ اللَّهُ عَلَيْنَا لَخَسَفَ بَنَاتُ وَيَكَآنَهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ) (سورة القصص: ٨٢)

Terjemahan: Dan orang-orang yang pada masa dahulu bercita-cita mendapat kekayaan seperti Qarun - mulai sedar sambil berkata: "Wah! Sesungguhnya Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya, dan Dia lah juga yang menyempitkannya kalau tidak kerana Allah memberi pertolongan kepada kita tentulah kita akan dibinasakan dengan tertimbus di dalam tanah (seperti Qarun). Aduhai! Sesungguhnya orang-orang yang kufurkan nikmat Allah itu tidak akan berjaya!"

(أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ) (سورة إبراهيم: ٢٤)

Terjemahan: Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit.

4.6 Penegasan martabat (الاستعلاء)

Makna "كاف للاستعلاء" (*kafilisti 'la'*) iaitu *kaf* untuk penegasan tinggi atau pengagungan. Dalam ilmu *Balaghah* (retorik Arab), huruf *kaf* digunakan sebagai حرف تشبيه (*harf tasybih*) huruf untuk membuat

perumpamaan. Namun dalam sesetengah konteks, perumpamaan itu sangat kuat atau tinggi, sehingga membawa erti pengagungan atau penegasan martabat, inilah yang dimaksudkan dengan كاف للاستعلاء.

(كَانَّهُنَّ الْيَاقُوتُ وَالْمَرْجَانُ) (سورة الرحمن: ٥٨)

Terjemahan: Bidadari-bidadari itu (cantik berseri) seperti permata delima dan marjan.

كَانَّهُنَّ bermaksud “seakan-akan mereka”. Huruf “ك” di sini membawa maksud penyerupaan yang sangat indah dan tinggi menunjukkan kemuliaan dan keindahan luar biasa. Maka ia termasuk dalam kategori تشبيه للاستعلاء kerana menunjukkan tingginya darjat dan nilai subjek yang diserupakan.

5. KESIMPULAN

Huruf *kaf* bukan sekadar huruf kecil dalam bahasa Arab tetapi mempunyai peranan penting dalam struktur dan makna ayat al-Quran. Ia menunjukkan betapa halus dan mendalamnya bahasa al-Quran yang memerlukan kefahaman nahu, balaghah dan tafsir secara menyeluruh. Penggunaan huruf *kaf* memberi kesan langsung kepada makna ayat. Tanpa memahami fungsi nahu dan balaghah huruf ini, seseorang boleh tersilap mentafsirkan ayat. Kajian ini mencadangkan lebih banyak analisis mikro terhadap huruf-huruf lain seperti *ba*, *lam* dan *min* dalam usaha mempertingkatkan kefahaman terhadap teks suci ini.

6. RUJUKAN

- Candra Gunawan, Pujiati & Nurlela. (2017). Analisis Makna Leksikal Harf Jar Dalam Al-Qur'an Surat Al-Furqan. [Online]: <https://waraqat.assunnah.ac.id/index.php/WRQ/article/view/58/51>. (akses pada 10 Mei, 2025).
- Muhammad Panji Romdoni. (2022). Bentuk dan Tujuan *Tasybih* dalam Al-Quran: Studi Aplikatif Analisis *Balaghah* dengan Objek Kajian Juz 'Ammah. [Online]: <https://journal.uinsgd.ac.id/index.php/definisi/article/view/16715/6746>. (akses pada 10 Mei, 2025).
- M. Sofwan Nazidul M. (2023). Analisis Huruf Jar Dan Maknanya Dalam Surat Al-Fath Dan Alternatif Metode Pembelajarannya. [Online]: <https://repository.uinsaizu.ac.id/20717/1/SkripsiM.SofwanNazidulM-1.pdf>. (akses pada 5 Mei, 2025).
- Nor Azhan Norul Azmi, Normah Husin. (2017). Analisis Kepelbagaian Fungsi Dan Makna Kata Partikel. [Online]: <https://conference.uis.edu.my/irsyad/images/e proceeding/2017/1083.pdf>. (akses pada 28 April, 2025).